

diwujudkan. Sesungguhnya, seseorang itu mestilah memerhati dengan lebih dekat lagi negara kita, bagi memahami masalah-masalah yang timbul daripada perbezaan kebudayaan, agama, sosial dan latarbelakang politik. Penggubal-penggubal perlembagaan negara kita, telah menggunakan pengalaman-pengalaman perlembagaan dari beberapa negara lain. Perubahan-perubahan kepadanya adalah merupakan hasrat untuk memenuhi kehendak-kehendak setempat. Konsep asas perlembagaan kita ialah, pembentukan satu demokrasi, dan sebuah